



NOTIS MAKLUMAN

STATUS PERMOHONAN DAN OPERASI *ONE STOP CENTRE* PENGURUSAN PEKERJA ASING, KEMENTERIAN DALAM NEGERI (OSC, KDN) FASA PENANGGUHAN KEMASUKAN PEKERJA ASING

Kerajaan telah mengumumkan penangguhan kemasukan pekerja asing sehingga hujung tahun ini berikutan penularan wabak Covid-19.

2. Susulan keputusan ini, berikut merupakan status permohonan dan operasi berkaitan permohonan pekerja asing di OSC, KDN:

2.1 **Majikan telah lulus sesi temuduga dan memperoleh Akuan Penerimaan (AP) sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 tetapi belum menjelaskan bayaran levi.**

Status:

- (i) Akuan Penerimaan (AP) dibatalkan;
- (ii) Majikan tidak dibenarkan meneruskan proses pembayaran levi; dan
- (iii) Majikan boleh mengemukakan permohonan baharu selepas Kerajaan membuka semula kemasukan pekerja asing baharu.

2.2 **Majikan yang telah membayar levi dan memperoleh Surat Kelulusan Bersyarat Pekerja Asing sebelum PKP.**

Status:

- (i) Tidak dibenarkan membuat proses rekrutmen pekerja asing seperti permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR),

pemeriksaan kesihatan *Bio-medical* dan tapisan keselamatan *Immigration Security Clearance (ISC)*;

- (ii) Majikan dibenarkan meneruskan proses rekrutmen pekerja asing selepas penangguhan pengambilan pekerja asing ditamatkan sekiranya tempoh Kelulusan Bersyarat Pekerja Asing masih sah;
- (iii) Majikan boleh mengemukakan tuntutan bayaran balik levi bagi kuota yang tidak digunakan selepas tamat tempoh Kelulusan Bersyarat Pekerja Asing;
- (iv) Bagi majikan yang masih belum menggunakan langsung kuota kelulusan, majikan diberi pilihan untuk membatalkan kelulusan dan terus memohon tuntutan bayaran balik levi tanpa perlu menunggu tempoh kelulusan tamat; dan
- (v) Bagi kelulusan yang telah tamat tempoh, majikan boleh mengemukakan permohonan baharu selepas Kerajaan membuka semula kemasukan pekerja asing baharu.

2.3 Pekerja asing yang telah lulus Visa Dengan Rujukan (VDR), pemeriksaan kesihatan *Bio-Medical* dan tapisan keselamatan *Immigration Security Clearance (ISC)* tetapi belum memasuki Malaysia sebelum PKP.

Status:

- (i) Pekerja asing tidak dibenarkan masuk ke Malaysia sepanjang tempoh penangguhan;
- (ii) VDR boleh dilanjutkan selepas tamat tempoh penangguhan pengambilan pekerja asing sekiranya tempoh Surat Kelulusan Bersyarat Pekerja Asing masih sah; dan
- (iii) Tempoh sah laporan pemeriksaan kesihatan *Bio-medical* dan tapisan keselamatan ISC tidak boleh dilanjutkan sekiranya tamat dalam tempoh penangguhan. Pekerja asing perlu membuat pemeriksaan dan tapisan baharu selepas Kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing baharu.

- 2.4 **Pekerja asing yang telah lulus Visa Dengan Rujukan (VDR), pemeriksaan kesihatan *Bio-Medical* dan tapisan keselamatan *Immigration Security Clearance (ISC)* yang telah memasuki Malaysia sebelum PKP tetapi belum memperoleh Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).**

Status:

- (i) Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) boleh dikeluarkan sekiranya pekerja asing lulus prosedur pemeriksaan di Malaysia; dan
- (ii) Pekerja asing dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia.

- 2.5 **Pekerja asing yang telah bekerja di Malaysia dan sedang bercuti di negara asal.**

Status:

Kebenaran masuk adalah tertakluk kepada ketetapan terkini oleh Kerajaan mengenai kemasukan warga asing.

3. Keputusan Kerajaan menanggungkan pengambilan pekerja asing baharu ini adalah setelah mengambil kira faktor keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan menggalakkan majikan untuk mengutamakan penggajian pekerja tempatan khususnya bagi mereka yang kehilangan pekerjaan akibat daripada penularan wabak Covid-19 ini.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

1 JULAI 2020